

Faktor Penontonan Drama Korea dalam Kalangan Belia di Malaysia

Nur Zulaikha Hamzah

Mohd Syuhaidi Abu Bakar*

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Emel perhubungan: syuhaidi@uitm.edu.my

Abstrak

Rakyat Malaysia pada hari ini dilihat lebih menyukai drama Korea berbanding drama tempatan. Fenomena yang berlaku ini dikatakan kerana drama Korea berjaya menarik perhatian dan memikat hati penonton terutama golongan belia di Malaysia melalui kehebatan jalan cerita yang menunjukkan plot-plot dan adegan-adegan yang menarik di samping menonjolkan kebudayaan Korea. Hal ini telah menyebabkan golongan belia di Malaysia dilihat lebih mengangkat drama-drama Korea berbanding drama tempatan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia. Objektif bagi kajian ini adalah untuk meneroka jika skrip dan pemilihan pelakon merupakan faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan telah menemu bual 10 orang Informan untuk mengumpul data kajian. Informan yang ditemu bual terdiri daripada golongan belia yang suka menonton drama Korea. Dapatkan kajian mendapati bahawa faktor skrip dan pemilihan pelakon adalah faktor utama belia Malaysia menonton drama Korea. Skrip yang mengandungi jalan cerita yang menarik dan tidak cliché, mempunyai kepelbagaiannya genre, membincangkan isu sebenar tentang realiti kehidupan, dan pelakon yang mempunyai rupa, berpengalaman dan berbakat serta berjaya dalam pembawaan ses sebuah watak menyebabkan belia Malaysia menonton drama Korea. Namun begitu, terdapat juga faktor-faktor lain yang menyebabkan belia di Malaysia menonton drama Korea. Antara faktor-faktor lain tersebut adalah lagu Original soundtrack (OST), budaya yang ditunjukkan, ilmu pengetahuan yang dapat diperolehi dan pemandangan dalam drama yang memukau mata penonton. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa terdapat banyak faktor penontonan drama Korea dalam kalangan belia di Malaysia.

Kata Kunci: Drama Korea, Belia, Skrip, Pemilihan Pelakon, Kaedah Kualitatif